

05/06/1998

Perang kapitalis baru (HL)

A Nazri Abdullah in Tokyo

TOKYO, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meramalkan peperangan baru akan berlaku di Asia - peperangan pembebasan ekonomi menentang kapitalis baru yang mencengkam ekonomi rantau ini - kesan daripada deregulasi dan globalisasi.

Demikianlah kesimpulan Perdana Menteri berdasarkan urutan sejarah masa lalu dan pergolakan ekonomi hari ini, yang menyaksikan kemaraan kapitalis baru menguasai ekonomi negara membangun melalui pelbagai manipulasi dan tekanan.

Menurutnya, penggabungan syarikat besar di Barat yang sedang rancak berjalan akan melahirkan syarikat gergasi yang akan berusaha menguasai dan memiliki syarikat di Asia. Rakyat Asia akan kembali makmur tetapi bukan negaranya.

Ekonomi Asia, kata Dr Mahathir, akan dikuasai dan ditadbir keseluruhannya oleh orang bukan Asia. Asia Tenggara akan menjadi pangkalan pengeluaran barangan kos rendah untuk menyaingi barangan beberapa ekonomi Asia yang gagal dikuasai syarikat asing tetapi negara itu juga akan menyerah kalah.

"Kerajaan akan bersikap menyerah kerana mereka tidak mampu melawan kapitalis baru. Bagaimanapun, rakyat akan melepaskan rasa dendam kepada orang luar yang sekali lagi menjadi tuan mereka.

"Pengambilalihan syarikat nasional akan menaikkan kemarahan rakyat dan mereka akan berjuang menguasai semula ekonomi negara mereka. Rakyat akan melihat perjuangan ini sebagai peperangan baru membebaskan ekonomi.

"Memanglah tidak ada peperangan kemerdekaan tetapi akan berlaku satu bentuk perang gerila yang tidak menguntungkan sesiapa," katanya ketika menyampaikan ucapan bertemakan 'Masa Depan Asia Dalam Dunia Globalisasi dan Deregulasi' pada persidangan antarabangsa anjuran Nihon Kenzai Shimibun di sini, hari ini.

Dr Mahathir mengingatkan peserta persidangan itu mengenai nasib sebuah republik miskin di Amerika Latin yang terpaksa mengikut telunjuk syarikat perladangan pisang Amerika Syarikat kerana hasil kerajaan bergantung kepada firma itu.

Perdana Menteri mengimbau pandangan mengenai sejarah kewujudan negara kapitalis, kemunculan komunisme dan negara sosialis yang berjaya melahirkan imbalan untuk negara kecil.

"Kehancuran komunisme disebabkan dunia hilang imbalan kuasa dan kapitalis yang dulunya bersifat mesra, bertukar menjadi garang dan hodoh," katanya.

Kini, kapitalis baru bebas melakukan apa yang mereka suka kerana negara kecil tidak mempunyai pilihan melainkan menerima dominasi mereka yang besar dan berkuasa.

Untuk menguasai ekonomi dunia, kapitalis baru terpaksa mengubah konsep dan nilai yang dulunya mereka dewa-dewakan untuk menyekat pengaruh komunis.

"Konsep negara bangsa dan kemerdekaan terpaksa dimansuhkan. Konsep tidak campur tangan urusan dalam negara mesti diketepikan bagi memberi laluan kepada kuasa besar campur tangan bagi memastikan perkara yang betul dilakukan. Malah, demokrasi dikorbankan bagi membolehkan kuasa pasaran menentukan dasar dan kepemimpinan kerajaan," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, negara membangun menyaksikan bagaimana Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) dan Pertubuhan

Perdagangan Dunia (WTO) cuba digunakan untuk mengaitkan perdagangan dengan hak asasi manusia, hak pekerja dan alam sekitar bagi mengurangkan daya saing negara membangun.

"Sekiranya perkara ini berjaya dilakukan, kos pengeluaran di negara membangun akan meningkat dan kesannya, barangan mereka tidak boleh bersaing, malah mungkin tidak dapat dieksport langsung.

"Nampaknya pergerakan kemanusiaan didalangi oleh kapitalis. Ini tidak berperikemanusiaan langsung kerana tuntutan itu akan menyebabkan rakyat di negara membangun menjadi miskin," katanya.

Seiring dengan propaganda deregulasi dan globalisasi, kapitalis baru yang turut menguasai media antarabangsa mendedahkan pelbagai amalan buruk, rasuah, kapitalisme suku-sakat pemimpin negara yang berjaya mengindustrikan negara mereka dan mengeluarkan barangan yang mampu bersaing dengan barangan negara industri.

Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) pula akan mengenakan syarat yang akan memfliskan negara penerima serta membuka laluan untuk penguasaan syarikat gergasi asing.

"Sebenarnya, tidak banyak yang boleh diharapkan untuk masa depan Asia. Masa depan Asia akan berhubung kait dengan masa depan dunia.

"Mungkin Asia berjaya membebaskan diri daripada keadaan sekarang. Mungkin persaingan ekonomi yang sihat antara Asia, Eropah dan Amerika dipulihkan," katanya.

(END)